

Pendatang asing perlu dipantau

SU pendatang asing bukanlah satu perkara baru yang berlaku di negara kita. Kebanjiran pendatang asing yang semakin meningkat menjadi masalah kepada negara. Pekerja asing ini kebanyakannya dari India, Myanmar, Indonesia, Filipina, Bangladesh, Vietnam dan yang terbaru, China.

Berdasarkan maklumat statistik sehingga 30 Jun 2007 yang dikeluarkan Jabatan Imigresen, jumlah pekerja asing mencecah 1.91 juta. Jumlah itu tidak termasuk lebih 400,000 pendatang asing yang dipercayai memasuki negara ini secara haram serta hampir 10,000 tahanan di depoh imigresen.

Kedatangan pekerja asing tentulah untuk bekerja di negara yang mempunyai banyak peluang pekerjaan ekonomi khususnya pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan perniagaan. Pekerja asing atau digelar juga sebagai pendatang asing ini boleh dikelaskan kepada dua, iaitu pekerja yang datang secara sah dan pekerja yang datang melalui jalan belakang atau pendatang asing tanpa izin (PATI).

Pekerja yang datang ke negara ini secara sah umumnya telah ditentukan jenis pekerjaan, majikan, tempat tinggal serta melalui pelbagai proses untuk memenuhi kelayakan sebagai pekerja.

Kemudian, mereka diberikan permit kerja yang dinyatakan tempoh kerja mereka di negara ini. Kategori pekerja jenis ini mempunyai dokumen perjalanan yang sah, bebas daripada penyakit berjangkit,

mempunyai kontrak pekerjaan yang sah dan tidak membawa banyak masalah kepada masyarakat. Majikan mereka juga lebih bertanggungjawab dengan menyediakan tempat kediaman, makanan dan minum, serta menyediakan perkhidmatan perubatan.

Kategori kedua ialah PATI yang tidak pernah melalui proses seumpama kategori pertama. Mereka juga tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, risiko penyakit berjangkit yang tinggi termasuk tuberculous (tibi) dan mudah dieksploitasi.

PATI yang ditangkap kerana pelbagai kesalahan imigresen dan jenayah hanya membebaskan pihak kerajaan kerana terpaksa menanggung kos penahanan dan penghantaran ke negara asal mereka.

Melalui penghijrahan mereka ini, dapatlah kita ketahui bahawa berlaku beberapa kesan ke atas kemasukan ini kepada negara, antaranya ialah membebankan kerajaan untuk membanteras kemasukan mereka, keselamatan sosial rakyat mula terancam serta penyebaran penyakit berbahaya.

Selain itu, kedatangan mereka juga mendatangkan masalah perumahan, kerana mereka akan mendirikan kawasan perumahan secara haram di tanah Malaysia.

Pakar Antropologi/Sosiologi, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Soijah Likin, berkata pelbagai masalah sosial terjadi akibat kebanjiran pekerja asing berpunca

daripada tingkah laku, nilai, norma, budaya dan sikap mereka yang bertentangan dengan tingkah laku nilai, norma dan budaya tuan rumah.

"Walaupun sering disebut 'kita serumpun', antara Malaysia dan Indonesia sangat berbeza. Begitu juga dengan negara lain, contohnya, Bangladesh dan Pakistan, walaupun majoritinya beragama Islam, tetapi pelbagai masalah sosial tetap wujud," katanya.

Beliau berkata, pengambilan pekerja asing dari Bangladesh pernah dibekukan pada 6 Februari 2002 kerana menimbulkan masalah moral. Mereka sering mengganggu isteri atau anak gadis di khalayak ramai tanpa segan silu. Perangai yang tidak bermoral itu telah membawa pergaduhan dengan penduduk tempatan (Fokus, Julai 2002).

Antara faktor pekerja asing lebih berminat dengan negara kita ialah kemakmuran dan kestabilan ekonomi yang kukuh. Kekurangan tenaga kerja tempatan juga membuka peluang kepada penduduk negara luar untuk mencari rezeki di sini, namun ramai penduduk tempatan berpendapat bahawa masalah pekerja asing ini perlu dikawal agar ia tidak menjadi lebih serius.

Apa yang perlu dilakukan oleh kerajaan ialah menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas. Hal ini kerana ramai pekerja asing yang menyusup masuk dengan menggunakan dokumen palsu.

Akta imigresen perlulah lebih tegas agar pendatang haram ini tidak berani bertindak lebih jauh. Sempadan perairan negara juga haruslah dikawal sepanjang masa bagi

mengelakkan mereka menyusup melalui jalan laut.

Tidak dapat dinafikan juga, kadangkala pekerja asing dapat mengatasi masalah kekurangan pekerja, tetapi hal yang berlaku di Nilai baru-baru ini menyedarkan negara bahawa mereka juga boleh bertindak ganas.

Penduduk tempatan sendiri kadangkala tidak terlalu menghiraukan kebanjiran pekerja asing, apatah lagi jika kedatangan pekerja asing ini melancarkan lagi urusan harian mereka dengan bekerja sebagai pembantu rumah, menjaga anak, atau tukang kebun dan membangunkan projek besar yang dilakukan mereka.

Tetapi jika kehadiran pekerja asing ini menimbulkan pelbagai kes jenayah, contohnya membunuh, samun bersenjata api, merogol, pecah rumah dan ragut, maka inilah yang menyedarkan mereka mengenai keburukan pekerja asing.

Walau apa pendapat masyarakat mengenai isu ini, kedatangan pekerja asing tetap ada keburukan dan kebajikannya. Untuk mencari penyelesaian terbaik, kerajaan haruslah mengkaji segala aspek dari segi ekonomi, politik, dan sosial agar kedatangan pendatang asing ini dapat dimanfaatkan untuk pembangunan negara.

Selain itu, kita sebagai rakyat perlu prihatin kepada negara kita sendiri, agar pendatang asing tidak merendah-rendahkan negara kita.



SEBAHAGIAN daripada pendatang asing yang ditahan oleh pihak imigresen ketika Operasi 6P di sebuah kawasan tapak pembinaan di Bandar Seri Botani dekat Ipoh, baru-baru ini.